

JENDELA

BULETIN KAKITANGAN PERPUSTAKAAN USM

KANDUNGAN

BIL. 2, JUN 1986

LATIHAN

....ms. 9



LEMBARAN DARI ITM

...ms. 11

AKTIVITI ASTAKA

....ms. 13

HAL-EHWAL KAKITANGAN

.....ms. 14

SUMBER ICHAM

....ms. 15

SUDUT PEMBACA

....ms. 17

.....dan lain-lain lagi.....

RENCANA

KOLEKSI POTONGAN
AKHBAR...ms. 2


GERALD HAWKINS
& KOLEKSINYA

....ms. 4

MEMPERKENALKAN BUKU
PADA KANAK-KANAK
DI USIA YANG MUDA

.....ms. 5

DENNIS THE MENACE



"ONE OF US IS GONNA HAVE TO LEARN HOW TO READ."

UNTUK EDARAN KAKITANGAN
PERPUSTAKAAN SAHAJA



bil. 2 Jun 1986

SEKAPUR SIREH

Sidang Pengarang JENDELA mengambil peluang mengucapkan Selamat Hari Raya kepada semua kakitangan Muslim.

Selain dari berita/laporan mengenai aktiviti di Perpustakaan, isu ini juga memuatkan tiga rencana. 'Koleksi potongan akhbar' dan 'Gerald Hawkins & koleksinya' memberi latarbelakang kepada dua koleksi yang ada di Perpustakaan dalam usaha kami memperkenalkan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan. "Memperkenalkan buku pada kanak-kanak di usia yang muda" pula diharap dapat menggalakkan pembaca untuk berbuat demikian.

Akhir kata, jangan lupa bahawa JENDELA mengharapkan sumbangan dari semua untuk menjayakan lagi penerbitan kita. Hidup JENDELA!

Sidang Pengarang:

Norma Bahri (Ketua Pengarang)
Aznan Omar
Lilian Woon
Mary Vergis
Mohd. Noor Din
Mohd. Pisol Ghadzali
Sakinah Che Embi
Lim Chee Hong (Penasihat)

Penghargaan Kepada:

Rohana Din, Jurutaip Perpustakaan
Media (Taip/Grafik)
Kirubanathan Sundaraju (Kartun)
Kamaruddin Bidin (Pencetak)
Ismail Abu (Pencetak)

PERPUSTAKAAN

CAWANGAN PERAK

Matlamat utama sesebuah perpustakaan universiti adalah untuk menyokong rancangan pengajaran dan penyelidikan universiti itu. Oleh hal yang demikian, tertubuhnya Perpustakaan Cawangan Perak adalah untuk memperolehi pelbagai bahan khusus dalam bidang kejuruteraan bagi membantu para pelajar serta kakitangan akademik dalam aktiviti pengajaran-pembelajaran dan penyelidikan mereka.

Perpustakaan Cawangan Perak ditempatkan di bangunan lama Perpustakaan Perak. Bangunan ini mempunyai dua tingkat di mana tingkat pertama mengandungi bilik-bilik pejabat serta koleksi buku dan majalah. Ruang membaca adalah di tingkat atas. Selain dari ruang membaca yang boleh menempatkan lebih kurang 150 tempat duduk terdapat sebuah bilik mesyuarat serta makmal bahasa di tingkat atas ini.

Perpustakaan ini dibahagikan kepada 2 bahagian besar iaitu Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Rujukan dan Bahagian Perkhidmatan Teknikal.

I. Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Rujukan

Bahagian ini akan mengendalikan tiga jenis perkhidmatan iaitu perkhidmatan pembaca, perkhidmatan rujukan dan perkhidmatan media. Seorang Penolong Pustakawan dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan bahagian ini.

II. Bahagian Perkhidmatan Teknikal

Bahagian ini juga mengendalikan tiga jenis aktiviti iaitu perolehan bahan, pengkatalogan serta pengendalian majalah. Oleh kerana bahagian ini belum diberi seorang pegawai, Ketua Cawangan akan mengawasi bahagian ini disamping membuat kerja-kerja pentadbiran yang lain.

Koleksi Perpustakaan buat masa sekarang adalah seperti berikut:

- lebih dari 10,000 naskah buku-buku dan majalah-majalah yang berjilid
- 118 tajuk langganan tetap
- abstrak dan indeks
- koleksi tesis - 100 naskah
- koleksi bahan-bahan pandang dengar.

- Foyziah A. Nasuruddin

KOLEKSI POTONGAN AKHBAR

OLEH: NOOR IDA YANG RASHDI

PENGENALAN

Koleksi potongan akhbar di Perpustakaan Universiti Sains Malaysia telah dimulakan pada tahun 1973 oleh Bahagian Perkhidmatan Pembaca. Pada tahun 1976 ianya dikendalikan oleh Unit Rujukan yang baru ditubuh.

Tujuan utama koleksi ini pada waktu itu ialah:

- i) Bagi kegunaan pelajar-pelajar kursus komunikasi Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan.
- ii) Bagi kegunaan pengguna Perpustakaan dan penyelidik-penyelidik.

Apabila Unit Rujukan dinaikkan ke taraf Bahagian pada tahun 1978, pengendalian koleksi ini telah diambil alih oleh Bahagian Rujukan dan Penerangan. Sejak tahun 1973, koleksi ini berkembang dengan pesatnya, bukan sahaja bilangan fail dan tajuk yang bertambah tetapi juga bilangan pinjaman yang meningkat lebih kurang 700 sebulan.

Tumpuan utama koleksi ini ialah pengumpulan topik-topik potongan akhbar yang berkaitan dengan Malaysia yang menyentuh bidang-bidang sejarah, sosio-ekonomi, budaya, politik dan sebagainya yang diliputi oleh akhbar-akhbar berikut:

Berita Harian
Utusan Malaysia
New Straits Times
The Star

Adalah diharapkan bahawa koleksi ini berguna kepada pengguna-pengguna, terutama pelajar-pelajar kerana koleksi ini mampu memberi maklumat yang ringkas dan kemaskini dalam bidang-bidang yang disebutkan.

KOLEKSI INI MASAKINI

Pada masa ini terdapat lebih kurang 1400 fail-fail yang mengandungi 570 tajuk-tajuk berkaitan, dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Indeks Tajuk-Tajuk Fail

Artikel-artikel akhbar dipilih berdasarkan kepada senarai/indeks tajuk yang disusun untuk koleksi ini. Indeks ini terletak di kaunter rujukan tingkat 2, dimana koleksi ini disimpan dan satu salinan diletakkan di meja Penasihat Pembaca.

Tajuk perkara disenaraikan mengikut susunan abjad yang berpandukan kepada Library of Congress Subject Headings List dan terhad kepada tajuk-tajuk tertentu sahaja. Dari masa ke masa tajuk-tajuk baru ditambah mengikut peredaran masa dan keperluan untuknya.

Tajuk perkara dalam Bahasa Malaysia digunakan untuk potongan akhbar Bahasa Inggeris bagi memudahkan pencarian. Rujukan silang (cross reference) digunakan untuk topik-topik berkaitan.


Dari masa ke masa fail-fail kebelakangan dikeluarkan dan dimikrofilemkan bagi tujuan pemeliharaan (preservation).

Pinjaman

- (i) Koleksi ini ialah untuk kegunaan di dalam Perpustakaan sahaja. Pinjaman ialah selama 2 jam, pada waktu pejabat dan semasa Perpustakaan dibuka pada waktu malam.
- (ii) Pelajar yang hendak meminjam dikehendaki menulis butir-butir pinjaman di borang yang disediakan dan menyerahkan kad matriknya kepada kakitangan yang bertugas.

MASA DEPAN KOLEKSI INI

Koleksi ini akan terus menjadi salah satu koleksi penting di Perpustakaan ini, memandangkan bahawa ia amat berguna bagi penyelidikan dan rujukan, bukan saja bagi topik-topik Malaysia semasa, tetapi juga sebagai bahan rujukan bagi pencarian maklumat retrospektif. Bagi tujuan ini fail-fail yang dimikrofilemkan boleh memastikan bahawa penyimpanannya terjamin.



GERALD HAWKINS & KOLEKSINYA


OLEH: SAKINAH CHE EMBI

Ramai di antara kita terutama sekali kakitangan yang mula bertugas di perpustakaan pada kebelakangan ini tidak mengetahui siapakah Gerald Hawkins dan wujudnya koleksi ini. Di sini saya mengambil kesempatan untuk menyampaikan maklumat mengenai Gerald Hawkins dan koleksinya dengan secara ringkas.

Koleksi Gerald Hawkins ialah satu koleksi persendirian yang telah dihadiahkan kepada universiti ini oleh anak lelaki mendiang Gerald Hawkins. Koleksi ini mengandungi 3,500 buku-buku, buku harian, risalah, fail peribadi, album-album berkenaan dengan berbagai topik yang mempunyai nilai sejarah, di samping novel-novel bercorak fiksyen. Oleh kerana penderma telah meminta agar koleksi ini diletakkan berasingan dari koleksi perpustakaan yang lain, maka ianya telah diletakkan di Bahagian Malaysiana dan Arkib. Koleksi ini diberi taraf koleksi persendirian dan pinjaman adalah terhad, iaitu ianya cuma boleh digunakan di bahagian ini sahaja. Koleksi ini dihadiahkan kepada Universiti ini memandangkan hubungan rapat beliau dengan Pulau Pinang.

Dilahirkan di England pada tahun 1891, Gerald Hawkins menyertai Perkhidmatan Awam Malaya pada tahun 1920 dan tugasnya yang pertama ialah di Pejabat Tanah di Pulau Pinang dan kemudian sebagai Pegawai Daerah di Balik Pulau. Selepas itu beliau dilantik menjadi Setiausaha kepada Residen Selangor dan juga Residen Pahang, dimana namanya masih diingati kerana menyelamatkan nyawa penduduk semasa banjir besar di Kuala Lipis dalam tahun 1926. Sejurus kemudian beliau telah ditukarkan untuk bertugas sebagai Pegawai Daerah Tampin, Negeri Sembilan, lepas itu sebagai Pegawai 'Stamp & Probate' di Singapura dan akhir sekali sebagai Pengarah "Cooperation for Malaya" di Kuala Lumpur.

Selepas Perang Dunia II beliau telah dilantik sebagai Setiausaha Pertahanan dan kemudian sebagai Penyelia Pilihanraya di Singapura. Kejayaannya di Singapura telah menyebabkan perlantikan yang sama di Malaya. Selepas beliau bersara dari perkhidmatan kerajaan beliau telah memegang jawatan Guru Besar di Sekolah Uplands di Bukit Bendera. Beliau juga berkhidmat sebagai Pengerusi 'Wages Council Commission' untuk Pelabuhan Pulau Pinang dalam tahun 1960, sebagai ahli yang aktif Persatuan Sejarah Pulau Pinang dan 'Malayan Nature Society' Cawangan Pulau Pinang. Beliau banyak menyumbang tenaga serta berjasa kepada masyarakat. Beliau akhirnya menjadi warganegara Malaysia dan terus tinggal di sini sehingga ia meninggal dunia dalam tahun 1973 di Batu Feringgi.



MEMPERKENALKAN BUKU PADA KANAK-KANAK DI USIA YANG MUDA

DITERJEMAHKAN OLEH NORMA BAHRI
DARI RENCANA NEW SUNDAY TIMES 4/5/86

Menurut Dr. Vartan Gregorian, Presiden Perpustakaan Awam, New York, tiada sesiapa yang mempengaruhi tabiat membaca pada anak anda, sebanyak yang anda sendiri dapat lakukan. Beliau mengingatkan kita bahawa pemberian yang paling berharga yang ibu bapa dapat berikan pada anak-anak ialah kebolehan menikmati buku-buku. Ianya merupakan asas pengetahuan & kejayaan serta kunci kepada keindahan dan hiburan. Petua-petua yang beliau berikan untuk menolong anak anda belajar mencintai buku :-

- * Mula membaca kepada kanak-kanak semasa ia masih bayi lagi: mulakan dengan "nursery rhymes" (cerita atau nyanyian kanak-kanak) kemudian beralih kepada buku-buku yang asas. Pendedahan awal kepada buku-buku akan membantu kanak-kanak mendekati aktiviti membaca dengan penuh keyakinan.
- * Sediakan seberapa banyak bahan bacaan yang boleh - buku, majalah, suratkhbar - dan tanamkan semangat bahawa membaca adalah penting bagi anda.
- * Mempunyai buku adalah mustahak. Setiap kanak-kanak sepatutnya mempunyai buku-buku mereka sendiri, tempat yang khas untuk menyimpannya dan juga ruang yang sesuai serta senyap untuk membaca.
- * Perkenalkan anak anda kepada perpustakaan awam secepat mungkin. Pada masa sekarang perpustakaan-perpustakaan dapat memberi kemudahan yang lebih selain daripada buku-buku.

(Ini juga bertepatan dengan keadaan di perpustakaan-perpustakaan kita di Malaysia: Misalnya di Perpustakaan Negara, Wisma Sachdev, Kuala Lumpur, dibahagian kanak-kanak aktiviti aktiviti terancang diadakan untuk menambahkan minat kanak-kanak seperti sesi bercerita, membaca bersama, menyanyi bersama, membuat kraftangan, pameran buku, kelab boneka, kelab drama dan sesi melukis.

Bagi buku pula, terdapat 60,000 naskah untuk kanak-kanak. Pengarah Perkhidmatan, Mariam Abdul Kadir berkata: "Kami mempunyai buku untuk semua peringkat umur dan semua jenis kegemaran".

- * Galakkan kanak-kanak memilih buku-buku mereka sendiri. Jangan menggesa mereka. Pengalaman yang benar-benar menyeronokkan di perpustakaan ialah "browsing" (membaca dan membelek beberapa buah buku atau bahagian buku-buku).
- * Teruskan membaca kepada anak anda walaupun ia telah lama belajar membaca sendiri. Kadangkala dalam jangkamasa belajar membaca yang sukar itu, keseronokan membaca mungkin hilang.

- * Biarkan anak-anak anda bercerita dan membaca kepada anda. Galakkan mereka, puji mereka & biarkan mereka merasa megah dengan kebolehan mereka itu.
- * Kurangkan masa menonton TV. Cuba menyapihkan anak anda daripada menonton TV dengan menduga apakah yang gemar ditontonnya dan dapatkan untuknya buku-buku yang mempunyai watak-watak atau plot yang sama.
- * Luaskan pengetahuan anda mengenai kesusasteraan kanak-kanak. Pilih buku-buku yang terbaik dan yang mempunyai ilustrasi yang menarik. Masa kanak-kanak adalah pendek dan pengaruh buku & cerita lebih berkesan daripada apa yang anda duga.



RANCANGAN ORIENTASI UNTUK PELAJAR BARU LUAR KAMPUS

Orientasi Perpustakaan untuk pelajar-pelajar baru luar kampus sidang akademik 1986/87 telah diadakan pada 27-29 April 1986. Beberapa orang kakitangan dari Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Pengembangan telah terlibat secara langsung dalam mengendalikan pendaftaran ini.

Orientasi di Perpustakaan telah dijalankan pada 28 dan 29 April 1986. Dalam orientasi tersebut kesemua kakitangan ikhtisas telah mengambil bahagian dalam rancangan ini yang merangkumi rancangan pita video dan lawatan ke tempat-tempat perkhidmatan dalam perpustakaan termasuk Unit Perkhidmatan Luar Kampus. Pelajar-pelajar ini telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan yang mana setiap kumpulan dibawa oleh seorang pegawai ikhtisas bagi mendapatkan penerangan mengenai perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh Perpustakaan USM.

Seramai 579 orang (tidak termasuk Sabah/Sarawak) telah mendaftar diri dan dari jumlah itu seramai 528 (91.2%) telah menghadiri orientasi tersebut. Adalah difahamkan jumlah pelajar bagi kumpulan-kumpulan yang ditetapkan terlalu besar dan kemungkinan menjadi satu kesulitan kepada kakitangan yang mengendalikan orientasi dan juga kepada pelajar sendiri untuk memahami dengan lebih jelas penerangan yang telah diberikan. Walau bagaimanapun orientasi tahun ini telah berjalan dengan licin dan diharapkan orientasi di tahun-tahun hadapan akan berjalan dengan lebih berkesan lagi.

- Chang Siw Lai

LAPORAN PERSIDANGAN

● ENCIK LIM CHEE HONG, Timbalan Pustakawan telah dijemput untuk menghadiri dua persidangan dan seminar, Second International Conference on the Application of Microcomputers in Information, Documentation and Libraries, Baden-Baden, 17-21 Mac 1986, dan Pre-Conference Seminar on Users' Experience with the IV + V Software Prototype, Heidelberg, 10-14 Mac 1986 di German Barat di bawah anjuran Unesco. Berikut ialah laporan beliau.

Persidangan antarabangsa kedua ini mengenai aplikasi mikrokomputer dalam maklumat, dokumentasi dan perpustakaan adalah bertujuan untuk mengetahui sejauh mana mikrokomputer digunakan dan kekesanannya terhadap urusan-urusan kerja di samping mengkaji perkembangan baru dalam penggunaannya yang semakin lama semakin digunakan dengan luasnya.

Seramai lebih kurang 340 peserta daripada 51 buah negeri telah menyertai persidangan ini. Berbagai aspek tentang penggunaan mikrokomputer telah dibincangkan. Di antara topik-topik yang dijadualkan adalah perkembangan aplikasi mikrokomputer di berbagai bidang, perkembangan sofwer dan kegunaannya, penerbitan elektronik, sistem pakar (Expert systems), 'image processing' alat penyimpan berjuta-juta bit data, dan penggunaan mikrokomputer di Dunia Ketiga, khususnya di Benua Africa dan negeri-negeri Amerika Latin. Perkembangan yang sangat menarik yang dijangka berlaku pada masa depan adalah berkaitan dengan pengujudan sistem pakar bagi mikrokomputer dan penyimpan data, iaitu, perluasan kegunaan 'mass storage' dengan menggunakan CD ROM dan lain serta kegiatan penyelidikan bersabitnya.

Seminar pra-persidangan mengenai sistem prototaip sofwer IV + V adalah bertujuan untuk mengkaji perkembangan dan penggunaan sofwer untuk mengendalikan sistem-sistem maklumat dan penyebarannya. Seramai 29 orang daripada 23 negeri telah menghadiri seminar itu. Sofwer ini sedang diwujudkan oleh Gesellschaft für Information und Dokumentation (GID) bersama dengan Institut für Maschinelle Dokumentation di Graz, Austria dengan bantuan kewangan dari negeri Jerman Barat. Walaupun sofwer ini telah diperbaiki sejak ianya dipersembahkan pada penghujung tahun 1984, ianya masih belum mencapai tahap kestabilan yang diperlukan dan kegunaannya dalam aplikasi mungkin sukar. Pada keseluruhannya, sekiranya sofwer ini dapat memenuhi cita-cita pengujudnya, ianya dapat digunakan dalam bermacam-macam aplikasi dalam kerja dokumentasi dan operasi perpustakaan kecil dan akan memenuhi suatu keadaan kekurangan sofwer dalam dokumentasi dan perpustakaan.

● ENCIK A. THOMAS SAMY (Ketua Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Pengembangan) telah menghadiri 'Seminar on Reading and National Development' yang dianjurkan oleh Institute of Strategic and International Studies di Kuala Lumpur pada 29 & 30 April 1986.

Perkara-perkara yang dibincangkan termasuk kepentingan membaca terhadap pembangunan negara, kempen membaca serta peranan sekolah, universiti dan perpustakaan dalam usaha penggalakan membaca.

BANYAK MEMBACA
LUAS PENGETAHUAN

● RASHIDAH BEGUM (Ketua Bahagian Automasi dan Penyelidikan) telah menghadiri 'International Executive Seminar (ICX) on Trends in Library Automation' di IBM International Education Centre di La Hulpe, Belgium dari 10 - 12 Mac 1986.

Seminar ini menumpukan perhatian kepada perisian DOBIS/LIBIS, sebuah sistem talian untuk penggunaan di perpustakaan. Perpustakaan USM telah baru-baru ini memperolehi perisian tersebut.

Selepas seminar ini, Rashidah telah melawat Perpustakaan University of Leuven di Leuven, Belgium selama seminggu untuk mengkaji cara-cara bagaimana perisian DOBIS/LIBIS digunakan oleh perpustakaan tersebut.

● PANG SIAM CHOONG (Bahagian Rujukan dan Penerangan) telah menghadiri 'Regional Training Course on Southeast Asian Fisheries Information System (SEAFIS) Methodology' di Bangkok dari 22 April hingga 2 Mei 1986.

Kursus latihan ini telah dianjurkan oleh Southeast Asian Fisheries Development Centre (SEAFDEC). Tujuan utamanya adalah untuk mewujudkan pengkalan data mengenai maklumat perikanan dengan menggunakan sistem pentadbiran pengkalan data MINISIS.

● RAMLI ABDUL SAMAD (Bahagian Rujukan dan Penerangan) dan SAKINAH CHE EMBI (Bahagian Malaysiana dan Arkib) telah menghadiri 'Seminar Biografi Malaysia' yang telah diadakan dari 26 - 28 April 1986 di Universiti Malaya.

Seminar tajaan New Straits Times ini yang di bawah pengelolaan Institut Pengajian Tinggi, Universiti Malaya adalah salah satu daripada beberapa seminar yang akan diadakan dari semasa ke semasa berhubung dengan projek kamus biografi.

Seminar ini telah menumpukan terhadap isu dan masalah yang umumnya berkaitan dengan penulisan biografi, dan khususnya mengenai biografi Malaysia. Berhatian juga diberikan kepada perbincangan mengenai konsep dan teori penulisan biografi, kaedah, sumber dan pelbagai strategi dalam disiplin ini. Perbincangan ditumpukan kepada kriteria dan ruanglingkup yang mungkin dapat menentukan tokoh-tokoh di dalam kamus yang dirancangkan itu.

● SHAFIE AHMAD (Unit Koleksi Bahasa Malaysia) telah menghadiri Kursus Pembantu Perpustakaan di Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur dari 3 Februari hingga 1 Mac 1986.

Dalam masa kursus dijalankan pengenalan asas dalam bidang sains perpustakaan dan maklumat telah diberi, termasuk kefahaman tentang jenis-jenis perpustakaan di Malaysia. Aspek-aspek lain termasuk organisasi, peranan dan aktiviti-aktiviti sesebuah perpustakaan.

● HUSSIEN HJ. TAHIR (Bengkel Jilid) telah menghadiri Kursus Asas Program Latihan Mengawet dan Jilid Menjilid Buku dan Dokumen di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur pada 14 - 16 April 1986.

Antara proses-proses yang dipelajari ialah pengenyahan asid (basah), merendam, pengwasapan dan pembaikan tradisional.

LATIHAN

LAWATAN BELAJAR CIK A.K. ANAND, PUNJAB UNIVERSITY

Cik A.K. Anand, Pustakawan Punjab University, Chandigarh, India telah bertempat di Perpustakaan USM selama lebih kurang tiga minggu, iaitu, 2 April, 1986 hingga 19 April, 1986 di bawah anjuran Commonwealth Fund for Technical Cooperation, Commonwealth Secretariat, London. Tujuan lawatan beliau adalah untuk mengenalpastikan kegiatan-kegiatan mengkomputerkan kerja-kerja di dalam perpustakaan dan mengkaji sistem-sistem komputer tertentu, seperti Sistem MALMARC, dengan lebih mendalam di rantau ini, iaitu di Malaysia dan Singapura.

Pada masa beliau berada di Perpustakaan USM, beliau telah diberikan latihan dalam Sistem MALMARC, pencarian maklumat secara talian (on-line) kepada database-database Lockheed Dialog di Amerika Syarikat dan pencarian maklumat terpilih (Selective Dissemination of Information) bagi database *Food science and technology abstracts*. Di samping itu, beliau telah diberikan peluang untuk melihat sistem baru yang akan diimplementasikan di Perpustakaan, iaitu Sistem DOBIS/LIBIS dan ditunjukkan kegunaan sofwer mikrokomputer seperti Dbase III dan Micro CDS/ISIS.

Selepas lawatan beliau di USM, beliau telah bertuju ke Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Universiti Pertanian Malaysia, Pusat Penyelidikan Getah di Kuala Lumpur dan National Library of Singapore, National University of Singapore, Singapore Polytechnic dan Nanyang Technological Institute di Singapura selama 2 minggu sebelum pulang ke tanah airnya. - LCH.

LAWATAN SAMBIL BELAJAR ENCIK AZIZAN HUSSAIN, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Seorang pegawai perpustakaan dari Universiti Utara Malaysia (UUM) iaitu Encik Azizan Hussain telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Pengembangan serta Bahagian Rujukan dan Maklumat pada 24 Mac hingga 29 Mac 1986.

Beliau telah diberi penerangan yang khusus di kedua bahagian ini dan beliau juga telah sempat untuk meninjau dengan ringkas ke bahagian-bahagian lain di Perpustakaan. - CSL/AO.

* There are things that are known and things that are *
* unknown; in between are doors. - Anonymous. *
* *****

LATIHAN UNTUK DUA ORANG KAKITANGAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

Pada 25 Mac 1986 hingga 9 April, 1986, Bahagian Perkhidmatan Media telah memberi latihan kepada dua orang kakitangan Perpustakaan Awam Selangor. Mereka ialah En. Mustamam Md. Jonan (Kerani) dan En. Zahir Yahya (Atenden).

Tujuan mereka datang untuk mendapatkan latihan adalah disebabkan oleh Perpustakaan Awam Selangor, yang mana akan berpindah ke Bandar Shah Alam, berharap dapat menubuhkan satu Bahagian Perkhidmatan Media.

Antara lain latihan yang diberi ialah dari segi dasar pemilihan Bahan media dan bibliografi-bibliografi berkenaan, perkhidmatan, organisasi, kemudahan serta prinsip-prinsip pengkatalogan. Dari segi praktik, mereka juga diberi tunjuk ajar mengenai pengendalian dan pemeliharaan bahan-bahan media serta alat-alat dan mesin-mesin.

Pada hujung minggu kedua mereka juga telah pergi ke Perpustakaan Media, Pusat Teknologi Pendidikan dan Media untuk menjalani latihan di sana selama dua hari. - MHA.



IF A LITTLE
KNOWLEDGE IS
DANGEROUS, WHERE
IS THE MAN WHO
HAS SO MUCH AS TO
BE OUT OF DANGER.
- T. H. HUXLEY



LEMBARAN DARI ITM



Selamat sejahtera diucapkan kepada para kakitangan Perpustakaan sekalian. Diucapkan tahniah di atas kejayaan anda dalam menerbitkan majalah Perpustakaan berjudul "Jendela". Saya tumpang merasa megah di atas keupayaan saudara/saudari menyumbangkan buah fikiran dan tenaga demi melahirkan majalah tersebut. Harapan saya agar saudara/saudari berterusan memberi sumbangan agar penerbitan ini tidak terhenti separuh jalan.

Sebelum saya meneruskan tulisan ini, saya ingin mengambil kesempatan merakamkan jutaan terima kasih kepada Encik Lim Chee Hong, Puan Norma Bahri, Puan Sakinah Embi, Puan Rashidah Begum, Cik Hajjah Siti Mazenah Saad dan Puan Penelope Husin yang mana telah memberi bantuan buah fikiran dan tenaga hingga membolehkan saya diterima menjalani latihan di ITM, dalam kursus "Diploma in Library and Information Science". Saya juga tidak lupa kepada saudara/saudari yang telah memberi sokongan moral.

Pertama kali saya menjejakkan kaki di ITM cawangan Petaling Jaya saya mengalami tekanan perasaan. Perasaan gembira dan resah silih berganti. Gembira kerana telah berjaya ditawarkan kursus. Resah kerana memikirkan hari-hari yang bakal dilalui terutama bagaimana menyesuaikan diri dengan penuntut lain yang rata-rata masih dalam lingkungan belasan tahun. Resah juga bila memikirkan terpaksa meninggalkan isteri, apatah lagi baru sahaja berumahtangga. Saya dan Idris agak bernasib baik kerana telah mendaftarkan diri lewat seminggu di mana diminggu pertama diadakan minggu suaikenal yang dicemarkan dengan berbagai acara "orientasi" oleh para "senior".

Pada hari pertama kami telah diberi taklimat oleh Raja Abdullah Yaacob selaku Ketua Kajian Kursus tentang kursus dan tatacara dan beberapa peraturan di ITM. Beliau telah memberi berbagai nasihat dan pesanan yang berguna yang diselangselikan dengan jenaka yang membuatkan kami berasa senang dengan cara kami dilayani. Turut hadir dalam pertemuan itu ialah Puan Zarina Shakir yang juga melahirkan harapan yang tinggi terhadap kami kerana memandangkan kami telah berumahtangga.

Hari Selasa merupakan hari pertama kami memulakan pengajian di mana pengenalan awal diberikan kepada "subject" yang bakal diajar. Setiap petang selama seminggu kami diwajibkan melakukan latihan ala tentera dengan memasuki "Kesatria". Di sinilah terdapat peristiwa-peristiwa lucu terjadi dalam masa berkawat. Kadang-kadang terpaksa menahan malu bila dikenakan denda di atas kesalahan-kesalahan yang dilakukan. Diantara dendanya ialah terpaksa mencium tiang dengan mengatakan "aku lembu" dan berbagai-bagai perkataan lagi. Apabila diperintahkan berpusing dan menukar langkah kerapnya ada yang berjalan terkenkang dengan melangkah kaki kanan sambil diikuti oleh ayunan tangan kanan juga. Habis

seminggu menjalani latihan tersebut ramai yang merasa lega, tidak lagi kena hamun oleh "Commander".

Kami kerap dipanggil oleh "senior" bagi menghadiri perjumpaan yang mereka namakan "majlis berkenalan" yang lebih mirip kepada majlis "ragging" di mana pihak yang kena tanya diajukan dengan soalan yang bukan-bukan. Saya dan Idris bernasib baik kerana kedatangan kami ke ITM terlebih dahulu diketahui oleh "senior" melalui Ketua Pelatih yang membuat praktikal di Perpustakaan USM. Tentang pergaulan dengan penuntut sekelas tiada apa-apa masalah.


Luas perpustakaan di sini besarnya lebihkurang Bahagian Simpanan Khas di Perustakaan USM. Buku-buku yang terdapat tidaklah banyak dan kebanyakannya agak lama. Susunannya ialah secara bernombor mengikut sistem pengelasan Dewey.

Asrama di mana kesemua penuntut lelaki ditempatkan ialah di United Garden di Jalan Kelang Lama terletak di Wilayah Persekutuan dan kampus terletak di Jalan Othman, Petaling Jaya. Jaraknya cuma lebihkurang dua batu. Setiap hari disediakan bas bagi sesiapa yang tiada mempunyai kenderaan.

Cukup dahulu buat kali ini dan di lembaran yang lain saya akan menjelaskan mengenai jenis-jenis matapelajaran yang ditawarkan serta pengalaman kehidupan di kampus.

(Mohd Yusof Othman)


KARTUN



AKTIVITI ASTAKA

PERKELAHAN TAHUNAN

Pada tahun ini ASTAKA telah mengadakan perkelahannya pada 20hb. April, 1986 di sebuah Banglo di Batu Feringgi. Beberapa permainan rakyat dan juga tarik tali telah diadakan. Kanak-kanak juga tidak ketinggalan dimana acara-acara untuk mereka juga telah diadakan. Perkelahan telah dimulakan pada jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang dan lebih kurang 120 kakitangan termasuk keluarga mereka telah menyertainya. Hadiah-hadiah saguhati diberi kepada pemenang-pemenang. Pengangkutan bas dan makanan tengahari juga telah disediakan. Boleh dikatakan bahawa perkelahan tahun ini adalah berlainan dari tahun-tahun yang sudah kerana ASTAKA telah menyediakan aturcaranya dan beberapa aktiviti-aktiviti menarik telah diadakan dan ini memberi peluang kepada ahli-ahli & keluarga mereka bergembira & bermesra di tepi laut.



JAMUAN TEH PERPISAHAN UNTUK KAKITANGAN PERPUSTAKAAN CAWANGAN IPOH / EN. ABDUL RAZAK B. BAKAR, DAN MENGALUKAN KEDATANGAN KAKITANGAN BARU PERPUSTAKAAN.

Majlis tersebut telah diadakan pada 16hb. April, 1986 jam 4.45 petang bertempat di Bilik Rehat Kakitangan Perpustakaan. Seramai 115 kakitangan telah menghadiri Jamuan Teh tersebut. En. Lim Chee Hong telah mewakili Ketua Pustakawan. Beliau telah mengalu-alukan kedatangan kakitangan baru, serta mengucapkan Selamat Bertugas. Kepada kakitangan yang akan berpindah ke Perak beliau telah mengucapkan berbanyak terima kasih di atas perkhidmatan yang telah diberi dan berharap agar mereka akan terus memberi kerjasama mereka. Kepada En. Abdul Razak yang akan bertugas di Jabatan Pelajaran ia diucapkan Selamat Maju Jaya dan diberi cenderamata bagi pihak ASTAKA.

- Arjan Singh
Setiausaha Sosial

HAL-EHWAL KAKITANGAN

Diucapkan Selamat datang dan selamat bertugas kepada semua kakitangan baru. Kepada yang berpindah, Selamat maju jaya di tempat yang baru dan rajin-rajinlah kirim berita.

KAKITANGAN YANG BERPINDAH KE PERPUSTAKAAN CAWANGAN PERAK

Foyziah A. Nasuruddin (Ketua Penolong Pustakawan)
Nor Edzan Hj. Che Nasir (Penolong Pustakawan)
Abdul Ghani Md. Ghazali (Kerani)
Ahmad Tarmidi Md. Hassan (Kerani)
Saidin Puteh (Atendan)

KAKITANGAN BARU PERPUSTAKAAN UTAMA

Sze Too Yu Tit (Pegawai Tadbir MALMARC)
Abdul Akla Wan Ismail (Pegawai Tadbir)
Faizah Ahmad (Penyunting)
Anisah Husin (Jurutrenkas)
Ahmad Zaki Mustafa (Kerani)
Abdullah Yusof (Kerani)
Abdul Aziz K.A. Razak (Kerani)
Bakurudin Ahmad (Atendan)

PENUKARAN JABATAN

Hanisah Lazim (Operator keypunch, Bendahari)
Mohd. Asri Idris (Atendan, P.P. Perumahan, Bangunan & Perancangan)

KAKITANGAN BARU PERPUSTAKAAN CAWANGAN PERAK

Arina Abdullah (Jurutrenkas)
Saminathan a/l Veeriah (Kerani rendah)
Rahimi Yahya (Kerani rendah)
Mat Nor Mat Zain (Kerani rendah)
Rohaya Abu Seman (Jurutaip)

KAKITANGAN BARU PERPUSTAKAAN PERUBATAN


Siti Fatimah Hashim (Penolong Pustakawan, P.P.)
Engku Razifah Engku Chik (Penolong Pustakawan, K.K.)
Rugayah Ali (Pegawai Tadbir, K.K.)

KENAIKAN PANGKAT

Diucapkan tahniah kepada:

Foyziah A. Nasuruddin (Ketua Penolong Pustakawan)
Wong Sook Jean (Penolong Pustakawan Kanan)
Nor Edzan Hj. Che Nasir (Penolong Pustakawan)
Fawzia Dawood (Penolong Pustakawan)

UCAPAN...




SELAMAT PENGANTIN BARU KEPADA

MOHAMAD SHAMSUDIN MAHMUD (BPPP)

& NUR AZMAH ISA.

Semoga berkekalan hingga ke anak cucu.

TAHNNIAH KEPADA MOHD. AROP HJ. SENAWI (UPLK) DAN YASHMAH MD. NOOR ATAS KELAHIRAN CAHAYA MATA YANG KEDUA, JUGA BUAT KAMARUDDIN BIDIN DI ATAS KELAHIRAN CAHAYA MATA YANG PERTAMA



SUMBER ICHAM

TUTUP MULUTKU

mesti?
mestikah aku?
menutup mulutku
untuk berbicara sesuatu
tentang kebenaran
dan aku mahu tulis
dibatu batu
iya, pasti.

mesti?
aku tulis juga
dengan kain putih
biar mereka tahu!
tentang perasaanku
di awan gemawan
dapat ku pahat
menjadi monument
bangsa!!

Saad Darus.

PANTUN KASIH

dari bagan singgah ke perai
membeli pala mamak tongkang
nyawa di badan lagi bercerai
inikan pula kasih menumpang

selasih layang menitih buih
mari jatuh dilipat-lipat
kasih sayang dicari boleh
sama sejodoh jarang mendapat

RAS.

OH! KETENANGAN

Ketenangan melanda hati
yang ku rasa
~~takkan~~ datang lagi

bagai embun pagi
datang dan pergi
di lubuk hati

ketenangan yang ku cari
makin jauh ia lari
mungkin hati tak mengerti

ketenangan oh! ketenangan
datanglah dikau kemari
dan janganlah pergi lagi

ARH.

MATINYA SEBUAH SENYUMAN

Bagiku
Ombak laut, bukit bukau
Seakan membisu
Pasir pantai, Desir angin digunung
tak berlagu
dijiwaku
Senyuman telah mati
mati

Aku makin sepi!
sepi! sepi! sepi!
Hidup beginilah
Hidup yang paling ku benci
Hidup bagai burung
Terbang menjangkau angkasa
Melihat peristiwa demi peristiwa
Dan keindahan alam mempersona
Tapi! pabila bertenggek di dahan
Hanya bisa bertutur tanpa bahasa
Dan setiap orang cuma menggeleng kepala
Kerana tiada siapa yang tau ceritaku
Apakah ertinya hidup begini?

"ZEEY 86"

MENCUBA KEPINTARAN ANDA!!!

OLEH ZULKIFLI MAT

S	T	A	C	Y	E	L	L	A	A	A
S	I	V	K	K	A	A	J	D	L	S
B	D	R	A	C	S	K	Z	Y	L	U
A	D	I	Z	O	D	A	W	K	E	M
D	I	A	A	R	I	D	N	A	H	G
A	C	O	R	R	A	N	R	K	C	H
N	J	A	L	R	B	A	O	E	A	A
L	D	M	U	A	Z	R	C	R	T	N
N	A	A	D	I	R	E	K	A	S	D
R	J	A	B	A	Z	K	I	N	A	U
A	N	K	A	W	I	N	T	D	R	R
G	J	L	N	A	N	A	A	I	A	U
H	U	L	U	B	A	L	A	L	T	T
B	A	T	T	A	B	O	N	O	B	T

1. Pembuat tahu apa yang dia buat, pembawa tahu apa yang dia bawa, tapi pengguna tidak tahu apa yang dia guna.
2. Bercermin mata bulat, sejarahnya difilemkan, berasal dari India.
3. Satu kumpulan muzik di Malaysia.
4. Bapa Pembangunan
5. Penyakit Merbahaya
6. Filem lakonan Stallone
7. Sejenis alat muzik
8. Orang yang makan muntah hantu.

JAWAPAN

T	B	O	N	O	B	A	T	A	B	R
T	T	L	A	L	A	B	U	L	U	H
U	A	I	A	A	N	A	N	L	J	G
R	R	D	T	N	I	M	A	K	N	A
U	A	N	I	K	Z	A	B	A	J	R
D	S	A	K	E	R	I	D	A	A	N
N	T	R	C	R	Z	A	U	M	D	L
A	A	E	O	A	B	R	L	A	J	N
H	C	K	R	N	A	R	R	O	C	A
G	H	A	N	D	I	R	A	A	I	D
M	E	K	M	A	D	D	Z	I	A	A
U	L	Y	Z	K	S	C	A	R	D	B
S	L	D	J	A	A	K	K	V	I	S
A	A	A	L	L	E	L	Y	A	C	S

SUDUT PEMBACA

Saya ingin memberi pendapat saya berkenaan dengan artikel "Peranan Tabung KKKP dan masa depannya" (JENDELA, bil.1,1986). Cadangan-cadangan 'Saya Sukakannya' tentang fungsi-fungsi lanjutan tabung tersebut tidak berapa realistik. Memanglah baik sekiranya Tabung itu dapat membantu kakitangan am menyediakan diri dengan menjalankan kelas bimbingan tetapi patutkah mereka yang menghadapi peperiksaan itu menunggu sehingga Jawatankuasa Tabung mengambil langkah yang pertama? Ini menunjukkan sifat terlalu bergantung kepada pihak lain. Apa kata mereka yang terlibat itu mengumpulkan diri dan mengambil inisiatif untuk memulakan kelas bimbingan sendiri dengan bantuan Tabung KKKP ataupun ASTAKA? Saya rasa ASTAKA patut dilibatkan kerana bukannya ianya pertubuhan kebajikan dan sosial bagi kakitangan Perpustakaan? Berkenaan dengan pinjaman buku-buku teks, kempen mengutip derma buku-buku teks dan soalan-soalan peperiksaan yang lalu boleh juga diuruskan oleh kakitangan yang menghadapi peperiksaan dengan kerjasama Tabung KKKP atau ASTAKA.

Cadangan untuk mengawal kemajuan pelajaran kakitangan yang meminjam dari Tabung itu juga tidak praktikal. Ada pula orang yang tidak sukai pihak lain bercampurtangan dan mengawal hal-hal persendirian ini. Tambahan pula langkah mengambil peperiksaan adalah berdasarkan kepada inisiatif dan kehendak individu, jadi kerajinan belajar patutlah berdasarkan kepada keazaman untuk berjaya.

Kita mesti mengingati bahawa Tabung KKKP dimula dan sedang diuruskan oleh kakitangan ikhtisas Perpustakaan. Saya rasa sekarang tiba masanya untuk kakitangan am mengambil peranan yang lebih aktif dalam Tabung ini kerana (a) ini akan menghapuskan sikap pergantungan dan (b) Tabung ini boleh diuruskan mengikut kehendak-kehendak sebenar kakitangan am yang ingin memajukan kerjaya. Jangan menyuarakan cadangan sahaja - bertindaklah! - BERDIKARI.

Adalah diharapkan Sudut Pembaca ini akan menjadi forum bagi perbincangan semua kakitangan Perpustakaan. - Sidang Pengarang.

KEPADA
SEMUA
KAKITANGAN
PERPUSTAKAAN
YANG
BERUGAMA
ISLAM

DIUCAPKAN
SELAMAT
HARI RAYA
AIDIL FITRI.

DARIPADA:
LIM HUCK TEE
& ISTERI

RESIPI UNTUK HARI RAYA

sumbangan Aznan Omar

KUAH KETUPAT

40 sen kacang tanah (digoreng garing & ditumbuk)

10-15 biji cili kering (digiling)

3 em lengkuas

1 batang serai

1 sudu makan kerisik

½ cawan pati santan

sedikit garam, air asam jawa & gula secukup rasa

3 ulas bawang merah
minyak untuk menumis

CARA MENYEDIKANNYA

Panaskan minyak dan tumis bawang yang telah ditumbuk halus. Masukkan cili kering & lengkuas yang telah digiling. Kacau hingga garing; masukkan garam, air asam jawa & gula. Kacau hingga sebati. Masukkan kerisik & kacang tanah. Tunggu hingga mendidih & masukkan santan serta serai yang telah dititik.. Kacau di atas api sederhana sehingga menjadi pekat. Kuah ini sesuai untuk dimakan dengan ketupat, satay & cucur udang.

NASI HIMPIT (KETUPAT NASI)

3 cawan beras


9 cawan air

kain sebagai pengalas

CARA MEMBUATNYA

Beras dicuci & dimasak bersama 9 cawan air. Hendaklah dikacau selalu supaya ia tidak berbiji dan berkerak. Kacau sehingga kering. Selepas kering & masak tuangkan kedalam bekas yang beralaskan kain. Lipatkan kain itu supaya menutupi masakan tadi dan letakkan benda berat di atasnya (tindih) untuk membuat adunan tadi menjadi keras & mampat. Apabila sejuk, masukkan ke dalam peti ais. Potong kiub dan hidangkan dengan kuah ketupat.

SELAMAT MENCUBA!





SELAMAT HARI RAYA AIDIL FITRI
kepada
Semua kakitangan Perpustakaan
Yang Beragama Islam.
- Noris Muniandy

Kepada Semua Kakitangan
Perpustakaan yang beragama
Islam
"SELAMAT HARI RAYA AIDIL FITRI"
Daripada: Lillian Woon

Selamat Hari Raya Aidil Fitri
kepada semua kakitangan
Perpustakaan yang beragama
Islam.
Daripada : BFL / KS



LYY mengucapkan Selamat Hari
Raya Aidilfitri kepada semua
kakitangan Perpustakaan yang
beragama Islam.

Selamat Hari Raya Aidil Fitri
Maaf Zahir Batin
ditujukan kepada semua
kakitangan Islam Perpustakaan
- Sakinah Che Embi

SELAMAT HARI RAYA AIDIL FITRI
kepada
Semua Kakitangan Perpustakaan
Yang Beragama Islam.
Daripada : Yvonne Rasen

Diucapkan Selamat Menyambut
Hari Raya Aidil Fitri kepada
semua kakitangan Perpustakaan
yang beragama Islam.
Yang ikhlas : SMN

Dengan Ucapan
"SALAM AIDIL FITRI"
untuk semua kakitangan Islam
Perpustakaan,
Universiti Sains Malaysia.
Daripada: Angela Lau & Keluarga.

Diucapkan Selamat Hari Raya
Aidil Fitri kepada semua
kakitangan Perpustakaan yang
beragama Islam. Maaf Zahir
& Batin. - Teh Toh Seng

Kepada semua kakitangan Islam
Perpustakaan, diucapkan
SELAMAT HARI RAYA AIDIL FITRI.
- Catherine Loh



SELAMAT
HARI RAYA
AIDIL FITRI
KEPADA
SEMUA
KAKITANGAN
PERPUSTAKAAN
YANG
BERUGAMA
ISLAM.

DARIPADA
GOON KUANG OK
ONG CHIN HOEK
QUAN KUNG HAI
LILY OH
WOO KOK PHENG



DIUCAPKAN
SELAMAT
HARI RAYA
AIDIL FITRI
KEPADA SEMUA
KAKITANGAN
PERPUSTAKAAN
YANG
BERUGAMA
ISLAM.

YANG IKHLAS:
YEOH HOONG
KHENG
&
KELUARGA.

KEPADA
SEMUA
KAKITANGAN
PERPUSTAKAAN
YANG
BERUGAMA
ISLAM
DIUCAPKAN
"SELAMAT
HARI RAYA
AIDIL FITRI".

DARIPADA:
PANG SIAM CHOONG
&
KELUARGA


SELAMAT
HARI RAYA
AIDIL FITRI
MAAF ZAHIR

&
BATIN
KEPADA SEMUA
KAKITANGAN
ISLAM
PERPUSTAKAAN

DARIPADA:

FAWZIA DAWOOD


PERADUAN SILANG KATA



NO. 2

Syarat Penyertaan;

- Penyertaan adalah terbuka kepada semua kakitangan Perpustakaan
 - Sidang pengarang JENDELA tidak dibenarkan mengambil bahagian
 - Setiap penyertaan mestilah disertakan dengan bayaran 30¢
 - Sekiranya lebih dari seorang peneka yang berjaya, undian akan dijalankan untuk memilih seorang pemenang sahaja
 - Keputusan Pengadil adalah muktamad
 - Penyertaan yang lengkap hendaklah dihantar kepada:
JAWATANKUASA PERADUAN SILANG KATA
d/a Bahagian Malaysiana & Arkib
- dan mestilah sampai selewat-lewatnya pada 21 Julai 1986
- Keputusan akan diumumkan dalam keluaran ke-4 JENDELA.



NAMA.....

BAHAGIAN.....

Melintang

1. Pengarang sajak yang tinggi mutunya, ahli fikir atau sastera
5. Bersangkutan dengan bayaran
7. Kurang bernasib baik dalam sesuatu perkara
10. Tingkah laku atau kelakuan seseorang
11. Panggilan kepada orang berbangsa Benggali
12. Alat untuk menulis atau perkataan Allah
13. Merupakan satu badan perniagaan
15. Sesuatu perbandingan atau kadar
18. Gelong/lingkaran rotan pada kemudi kapal
19. Sejenis arang

Ke Bawah

1. Sejenis pakaian yang sering dipakai
2. Sebutharga bagi sesuatu benda
3. Sejenis burung berwarna hitam
4. Panggilan bagi orang-orang India
6. Mirip
8. Selalu dijalankan di dalam makmal
9. Sudah menjadi kebiasaan
14. Angkoh atau menunjuk-nunjuk...
16.yang membentuk setiap benda
17. Teguran bila bertemu seseorang

Pemenang peraduan no.1:

NOORIZAN HJ. ABDUL HAMID
BAHAGIAN PROSES TEKNIK

Diucapkan tahniah kepada Noorizan dan kepada yang tidak berjaya, cuba dan cuba lagi!

